



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	30/1/2021	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	KeTSA / JKPTG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

BH 30/1/2021 m/s 14

Perluas sistem e-Tanah tingkat pengurusan pentadbiran

Kuala Lumpur: Sistem e-Tanah akan diperluaskan ke beberapa negeri bagi memastikan sistem pengurusan dan pentadbiran tanah lebih bersepadu di seluruh negara.

Kaedah itu bakal diguna pakai di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan, Selangor, Terengganu, Pahang, Johor, Perlis, Kedah serta Kelantan dalam jangka panjang.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata kajian awal sedang dijalankan dengan mengambil kira kejayaan projek perintis di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kuala Lumpur sejak Jun 2017.

Beliau berkata, penularan COVID-19 menuntut perubahan kepada norma kerja harian terutama perkhidmatan yang secara langsung dengan rakyat.

"Pelaksanaan sistem e-Tanah ini bertepatan dengan keperluan semasa yang menggalakkan urusan secara dalam talian dan mengurangkan keperluan berurusan di kaunter secara bersemuka.

"Kementerian sentiasa komited untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dalam pentadbiran tanah sentiasa ditambah baik seiring perkembangan semasa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Shamsul Anuar berkata, pengenalan sistem yang dibangunkan di bawah inisiatif kerjasama awam swasta itu adalah trajektori baharu dalam pendigitalan urusan pentadbiran kerajaan secara menyeluruh.

Beliau berkata, Perak menyusul sebagai negeri kedua akan melaksanakan sistem e-Tanah selepas perjanjian konsesinya ditandatangani semalam, membatik kementeriannya, kerajaan negeri serta syarikat Puncak Tegar Sdn Bhd.

"Sistem e-Tanah Perak ini bermula 11 Februari ini dan akan diguna pakai semua pentadbiran tanah negeri.

"Melalui Sistem e-Tanah ini, orang awam yang berurusan di pentadbiran tanah negeri Perak, akan dapat menikmati urusan transaksi tanah yang lebih lancar, telus, efektif dan mesra rakyat," katanya.

Perjanjian konsesi Sistem e-Tanah Perak ditandatangani Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Zurinah Pawanteh mewakili Kerajaan Persekutuan; Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim dan Pengerusi Eksekutif Puncak Tegar Sdn Bhd, Syed Azmin Syed Nor, mewakili syarikat konsesi.